



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 30 September 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BI L	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Mangsa Banjir Di Kedah Terus Meningkatkan https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-di-kedah-terus-meningkat-489768 https://www.sinarharian.com.my/article/688223/edisi/utara/mangsa-banjir-di-kedah-meningkat-kepada-451-orang-pagi-ini https://www.malaysiakini.com/news/720947#google_vignette https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2345855 https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1139085/banjir-jumlah-meningkat-1102-mangsa-di-kedah https://www.sinarharian.com.my/article/688297/edisi/utara/mangsa-banjir-di-kedah-terus-meningkat https://harakahdaily.net/index.php/2024/09/29/banjir-padang-terap-dan-dua-daerah-kembali-naik/ https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/satu-pps-baharu-dibuka-penduduk-terjejas-banjir-di-kedah-terus-meningkat https://harapandaily.com/2024/09/30/mangsa-banjir-kedah-makin-bertambah-tiga-sungai-ini-lebihi-paras-bahaya/ https://selangorjournal.my/2024/09/number-of-kedah-flood-victims-rises-to-765/	Astro Awani Sinar Harian Malaysia Kini Bernama Harian Metro Sinar Harian Harakah Daily Berita RTM Harapan Daily Selangor Journal	Neutral

	<p>https://malaysiagazette.com/2024/09/29/mangsa-banjir-di-kedah-meningkat-semula-mgflash/#google_vignette</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/09/29/lebih-900-mangsa-banjir-di-kedah/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/29/banjir-jumlah-mangsa-di-kedah-naik-semula/</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/09/1304502/mangsa-banjir-di-kedah-kembali-meningkat</p> <p>https://thesun.my/local-news/flood-victims-in-kedah-increase-to-451-people-this-morning-HH13054737</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1112544/number-kedah-flood-victims-rises-765</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>FMT</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>The Sun</p> <p>NST</p>	
2.	<p>Kanak-Kanak 12 Tahun Cipta Sejarah Jadi Penuntut Termuda Universiti Malaya</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-12-tahun-cipta-sejarah-jadi-penuntut-termuda-universiti-malaya/#google_vignette</p> <p>https://www.malaysiadateline.com/kanak-kanak-permata-pintar-cipta-sejarah-masuk-universiti-malaya-di-usia-12-tahun/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/688339/berita/nasional/risiko-tekanan-sosial-terencat-jika-si-genius-terlalu-diatur</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1139064/kanak-kanak-12-tahun-jadi-penuntut-termuda-um</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/09/29/kanak-kanak-12-tahun-muncul-pelajar-termuda-di-universiti-malaya/</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Dateline</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral

3.	Jenayah Seksual Libat Kanak-Kanak Membimbangkan https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/jenayah-seksual-libat-kanak-kanak-membimbangkan/	Utusan	Neutral
4.	Wanita Hilang Selepas 4 Hari Keluar Rumah https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1139077/wanita-hilang-selepas-4-hari-keluar-rumah	Harian Metro	Neutral
5.	15 Ditahan Termasuk 11 Wanita Terlibat Tempahan Pelacur Dalam Talian https://malaysiagazette.com/2024/09/29/15-ditahan-termasuk-11-wanita-terlibat-tempahan-pelacur-dalam-talian/ https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1304420/tempah-pelacur-dalam-talian-15-ditahan-termasuk-11-wanita-pekerja-seks	Malaysia Gazette Berita Harian	Neutral
6.	Ibu Tunggal Pecah Dominasi Lelaki https://www.sinarharian.com.my/article/688344/bisnes/ibu-tunggal-pecah-dominasi-lelaki	Sinar Harian	Neutral
7.	1,916 Warga Emas Jadi Mangsa Penipuan Dalam Talian, Kerugian Rm255 Juta https://www.nabalunews.com/post/1-916-warga-emas-jadi-mangsa-penipuan-dalam-talian-kerugian-rm255-juta#google_vignette	Nabalun News	Neutral
8.	Warga Emas Dilapor Hilang Ditemui Meninggal Dunia https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/29/warga-emas-dilapor-hilang-ditemui-meninggal-dunia https://suarasarawak.my/lelaki-warga-emas-hilang-ditemui-meninggal-dunia/	Utusan Borneo	Neutral

9.	Bawa 'Suara' Siswa OKU https://www.hmetro.com.my/WM/2024/09/1139122/bawa-suara-siswa-oku	Harian Metro	Neutral
----	--	--------------	---------



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MANGSA BANJIR DI KEDAH TERUS MENINGKAT

ALOR SETAR: Mangsa banjir di Kedah yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) mencecah 765 orang daripada 253 keluarga setakat 4 petang ini, berbanding 451 orang daripada 160 keluarga pagi tadi.

Menurut laporan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kesemua mangsa dari daerah Pokok Sena dan Kubang Pasu itu, ditempatkan di tujuh PPS.

Pokok Sena mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 473 orang daripada 147 keluarga, yang ditempatkan di empat PPS iaitu Maahad Tarbiyah Islamiyah Derang, Dewan Serbaguna Pokok Sena, Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Hijau Mukim Derang dan Masjid Nurul Iman Batu 14 Jalan Lampam.

Di Kubang Pasu pula, seramai 292 orang daripada 106 keluarga ditempatkan di tiga PPS iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Changlun, Dewan Lubuk Batu dan SK Bandar Baru Darul Aman.

Sementara itu, PPS Masjid Aisyah Kampung Tanjung Kanan yang dibuka di daerah Padang Terap dan menempatkan seramai 49 orang daripada 18 keluarga sebelum ini, telah ditutup sepenuhnya tadi.

Berdasarkan laman web Public Infobanjir Jabatan Pengairan dan Saliran, setakat 4 petang ini paras Sungai Laka di Kampung Padang Pasir dan Sungai Padang Terap di Kepala Batas, Kubang Pasu; Sungai Anak Bukit di Taman Aman dan Sungai Anak Bukit di Jambatan TAR, Kota Setar; serta Sungai Perik di Kampung Perik, Padang Terap telah melebihi paras bahaya.

KANAK-KANAK 12 TAHUN CIPTA SEJARAH JADI PENUNTUT TERMUDA UNIVERSITI MALAYA



KUALA LUMPUR: Seorang kanak-kanak lelaki, Izz Imil Shahrom berusia 12 tahun menjadi penuntut termuda yang mendaftar masuk di Universiti Malaya (UM), baru-baru ini.

Kanak-kanak terbabit menyambung pengajian bagi Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik, Fakulti Sains di universiti berkenaan.

Naib Canselor UM, Prof Datuk Seri Ir Dr Noor Azuan Abu Osman berkata, Izz Imil melalui proses temuduga dengan Jawatankuasa Khas universiti sebelum mendapat kelulusan Senat Universiti bagi menyambung pengajian itu.

“Memandangkan usia Izz Imil yang begitu muda, universiti memohon semua pihak untuk memberikan ruang dan privasi kepada penuntut terbabit melalui proses pembelajaran serta penyesuaian diri di universiti.

“Perkara ini penting bagi membolehkan kanak-kanak itu dapat melalui proses tumbesaran yang kondusif di samping menjalani pengajian dengan baik,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Terdahulu, kejayaan Izz Imil mendaftar masuk di UM yang dikongsi seorang pemilik akaun laman sosial Facebook, tular dan menerima pelbagai reaksi orang ramai yang kagum dengan kehebatan kanak-kanak terbabit.

WANITA HILANG SELEPAS 4 HARI KELUAR RUMAH



Pontian: Wanita yang keluar dari kediamannya di Taman Rambah, di sini sejak empat hari lalu, dikhuatiri hilang selepas tidak pulang ke pangkuan keluarga.

Ketua Polis Daerah Pontian, Superintendan Mohammad Shofee Tayib berkata, pihaknya menerima laporan kehilangan wanita berusia 61 tahun itu daripada ahli keluarganya, semalam.

Katanya, siasatan awal mendapati kali terakhir wanita itu dilihat keluar dari kediaman pada 7 pagi, 26 September.

"Wanita ini dikenali Muniamah Vellay yang merupakan pesakit mental dan masih mendapat rawatan secara berkala setiap 2 bulan di Hospital Permai, Johor Bahru," katanya.

Katanya, orang ramai yang mempunyai maklumat atau melihat wanita itu diminta melaporkannya kepada pegawai penyiasat Inspektor Ahmad Shah Abdul Rasheed di 019-7578020 atau talian hotline 07-6871222.

IBU TUNGGAL PECAH DOMINASI LELAKI



MAIZATUL Shahida Jalil, 40, berjaya membuktikan wanita juga mampu berjaya dalam bidang pemasangan dan pembaikan pendingin hawa, bidang yang biasanya didominasi oleh golongan lelaki.

Beliau yang kini memiliki perniagaan dikenali sebagai Kak Aircond Empire berkata, dia bermula tanpa sebarang modal kira-kira lapan tahun lalu dengan menjadi tukang servis alat pendingin hawa dari rumah ke rumah di sekitar Kubang Pasu dan Kota Setar.

“Lebih memeritkan ketika itu saya berpisah dengan bekas suami, tinggal sehelai sepinggang dan terpaksa membesarkan empat anak yang masih kecil sendirian.

“Anak bongsu, Muhammad Anas Miqhael pula memerlukan perbelanjaan yang banyak kerana mempunyai masalah kesihatan iaitu tiada saluran pemakanan mahupun saluran najis,” katanya kepada Sinar Harian di pejabatnya di Taman Tengku Maheran di sini baru-baru ini.



Maizatul Shahida (depan, tengah) turut diundang sebagai pegawai penilai bagi Tahun Akhir Diploma Penyejuk Bekuan Penyaman Udara Institut Kemahiran Mara (IKM) Sik.

Keadaan itu menyebabkan Maizatul Shahida jadi buntu dan amat tertekan dengan nasib menimpa dirinya, namun dia tekad untuk bangkit semula demi anak-anak.

Kongsinya lagi, dia pernah mempunyai hanya RM2 dalam tangan yang digunakan membeli kerak nasi untuk dinikmati anak-anaknya ketika dia mula bertatih dalam dunia perkhidmatan pendingin hawa.

“Saya sanggup bekerja selama 22 jam dan rehat dua jam sahaja sehari untuk melakukan pelbagai kerja daripada mengedar risalah sehinggalah melakukan servis pendingin hawa,” katanya.

Menurut Maizatul Shahida, dia turut berdepan cabaran dalam dunia pekerjaannya itu dengan statusnya sebagai seorang wanita dan ibu tunggal kerana masih ada tidak percaya dengan kemampuan dirinya.

“Namun, saya tak putus asa, sebaliknya berusaha membuktikan kebolehan diri dengan memberikan perkhidmatan terbaik kepada setiap pelanggan.

“Nak dapatkan kepercayaan orang itu payah disebabkan saya wanita. Ada orang meragui dan tertanya-tanya mampukah bekerja.

“Tetapi saya buktikan wanita juga mampu buat kerja seperti lelaki, malah lebih teliti sama seperti tagline Kak Aircond Empire iaitu ‘tak sejuk, tak balik’,” katanya.



Maizatul Shahida melakukan servis pendingin hawa di rumah pelanggan.

Jelas wanita itu lagi, dia juga sentiasa turun padang untuk melihat kerja anak-anak buahnya di lapangan bagi memastikan servis diberikan adalah yang terbaik.

Lebih membanggakan, beliau merupakan satu-satunya wanita dalam syarikat berkenaan yang mempunyai lapan pekerja lelaki setakat ini.

“Saya bersyukur kerana berjaya membina empayar perniagaan sendiri, berkat usaha yang tidak putus asa dan bangkit semula menempuhi cabaran kehidupan.

“Ibu, Che Endon Saad, 75, dan empat anak yang kini berusia antara 14 hingga 18 tahun yang menjadi sumber kekuatan saya untuk berjaya hingga ke tahap sekarang,” katanya.

TEMPAHAN

Maizatul Shahida berkata, syarikat yang diusahakan sejak 2016 itu kini bukan sahaja menerima tempahan untuk rumah, malah masjid sehinggalah syarikat swasta dan pejabat kerajaan.

Menurutnya, selain mengusahakan perkhidmatan pendingin hawa, dia juga kini sering diundang sebagai pegawai penilai di institusi kemahiran.

“Saya memang berhasrat mahu membantu golongan belia di Kedah dengan membina akademi latihan kemahiran berkaitan pendingin hawa menerusi Pusat Akademi Skill Latihan Kak Aircond (KAASTC),” katanya.

Ditanya mengenai impian masa depannya, Maizatul Shahida berkata, dia mahu mengembangkan empayar perniagaannya dan berkongsi ilmu pengetahuan serta kemahiran dimiliki dengan orang ramai.

“Nasihat saya kepada golongan ibu tunggal yang berdepan nasib sama seperti saya, jangan putus asa dan segera bangkit semula.

“Nak bersedih boleh tetapi jangan terlalu lama dan jika bekerja haruslah ikhlas, insya-ALLAH akan berjaya,” katanya.

Saya buktikan wanita juga mampu buat kerja seperti lelaki, malah lebih teliti sama seperti tagline Kak Aircond Empire iaitu 'tak sejuk, tak balik'.”

1,916 WARGA EMAS JADI MANGSA PENIPUAN DALAM TALIAN, KERUGIAN RM255 JUTA

KUALA LUMPUR: Seramai 1,916 warga emas menjadi mangsa penipuan dalam talian bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini melibatkan kerugian berjumlah lebih RM255 juta.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata walaupun bilangan mangsa warga emas adalah kecil berbanding kelompok umur yang lain, nilai kerugian melibatkan golongan itu tinggi, sekali gus menjadikan mereka sasaran berkualiti.

“Sepanjang tiga tahun (2021 hingga 2023), sejumlah 86,266 individu telah menjadi mangsa kepada jenayah penipuan dalam talian dan daripada jumlah tersebut, 5,533 mangsa atau 6.4 peratus adalah dalam kalangan individu berumur 61 tahun ke atas iaitu warga emas.

“Angka yang hampir sama juga dicatatkan pada tahun ini iaitu daripada 21,535 kes penipuan dalam talian yang direkodkan hingga Ogos 2024, 1,916 mangsa atau 8.9 peratus ialah warga emas,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata bagi tempoh tiga tahun itu, jumlah kerugian dicatatkan bagi kes penipuan dalam talian ialah RM2.7 bilion dan daripada jumlah itu, kerugian melibatkan mangsa warga emas ialah RM550 juta bersamaan 20 peratus.

“Hal yang sama direkodkan bagi tahun 2024, iaitu hingga Ogos, kerugian melibatkan mangsa warga emas telah mencecah RM255 juta atau bersamaan 27.9 peratus daripada keseluruhan kerugian yang dicatatkan iaitu RM914 juta,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan mustahak untuk informasi pencegahan jenayah komersil khususnya penipuan dalam talian disampaikan kepada warga emas dan ahli keluarga digesa agar menasihati ibu bapa, saudara atau kenalan agar sentiasa berwaspada dan tidak melayan atau mempercayai sebarang panggilan mencurigakan.

“Tindakan mempercayai serta menuruti semua arahan yang diperoleh melalui telefon akan meletakkan mangsa dalam risiko jenayah samun atau rompak, sebaiknya bagi tujuan pengesahan, semakan semula dengan agensi terlibat dengan menghubungi nombor telefon yang diperoleh dari laman sesawang rasmi,” katanya.

Beliau berkata penipuan dalam talian boleh dicegah sekiranya mangsa mempunyai pengetahuan dan sentiasa berwaspada dengan kemungkinan berlakunya jenayah itu dan setiap individu perlu memainkan peranan selaku penyebar mesej kesedaran jenayah komersil.

Ramli juga memaklumkan seorang pesara wanita berusia 72 tahun kerugian lebih RM600,000 selepas diperdaya individu yang menyamar sebagai polis menerusi telefon pada 20 Sept lepas.

Beliau berkata wanita berkenaan menerima panggilan telefon daripada individu yang mendakwa dari Unit Khidmat Pelanggan, Putrajaya memberitahu nombor telefon mangsa telah disalahgunakan dalam kes jenayah siber.

Katanya individu itu kemudian mengarahkan mangsa memohon perlindungan data peribadi serta perlindungan dana sebelum menyambung panggilan kepada individu lain yang menyamar sebagai polis.

“Mangsa kemudian dimaklumkan turut terlibat dalam kes pengubahan wang haram dan bagi tujuan siasatan mangsa diarah mengumpulkan semua wang simpanannya ke satu akaun bank milik mangsa sendiri dan maklumat perbankan itu diberikan kepada pihak ‘polis’.

“Mangsa juga diarahkan menyerahkan semua barang kemas dan bar emas kepada individu yang datang mengambil barangan tersebut di rumah mangsa, secara keseluruhan, mangsa mengalami kerugian wang tunai, barang kemas, dinar emas dan bar emas bernilai RM670,994,” katanya dan menambah laporan polis berhubung kes itu diterima semalam dan disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

BAWA 'SUARA' SISWA OKU



Pertama kali mengenali anak muda ini biarpun sekadar dalam temu bual, namun keterujaan dan aura positif saat berkongsi kisah hidupnya membuatkan penulis cukup kagum.

Tutur penuh bersemangat membuktikan Nurhidayah Johari, 22, mempunyai kekuatan jiwa yang bukan calang-calang.

Mengakui takdir hidup sarat dengan hikmah luar biasa selain dia juga punyai prinsip tersendiri.

"Hidup tidak pernah gagal memberi kita pelajaran, maka bersedia menghadapinya," katanya.

Anak bongsu dari dua beradik yang berasal dari Kajang, Selangor ini bukan sahaja mahasiswa cemerlang, tetapi juga aktivis orang kurang upaya (OKU) yang gigih.

Pelajar tahun akhir jurusan Ijazah Sarjana Muda Kaunseling, Universiti Malaya (UM) ini turut mempunyai rekod akademik membanggakan.

Menerusi Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) semasa 3.75, Nurhidayah antara penerima Anugerah Dekan dan Anugerah Timbalan Naib Canselor.

Anak kepada pengawal keselamatan dan pekerja kilang ini turut menjadikan beberapa individu sebagai inspirasi hidupnya termasuk Saidatina Safiyah, Saidatina Aisyah dan ibunya sendiri, Hasmayati Mustafa, 51.

Pernah memasang impian untuk bergelar doktor perubatan ketika masih kecil, namun kini dia 'menghalakan' impiannya ke arah kerjaya sebagai ahli psikologi atau kaunselor berdaftar.

"Walaupun kelihatan ada perubahan ketara, namun sebenarnya cita-cita ini berkongsi elemen penting yang sama.

"Saya melihat diri saya sebagai orang yang perlu berbakti kepada masyarakat terutama dalam perkara yang berkaitan kesihatan dan kesejahteraan diri.

"Malah saya juga percaya hidup bukan sekadar hidup, tetapi bagaimana kita memberi makna dalam sesebuah kehidupan," katanya turut memegang jawatan sebagai Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Istimewa UM (Permium) 2023/2024.



MEWAKILI mahasiswa OKU di 8th Global Higher Education Forum 2023 (GHEF2023).



NURHIDAYAH (berdiri depan) satu-satunya peserta OKU di Intersarsity Young Motivator Competition (I-MAC) 2023.

Pembabitannya dalam pelbagai aktiviti kokurikulum termasuk mewakili Permium di pelbagai forum dan persidangan, sekali gus membentuk keperibadiannya sebagai pemimpin berkaliber.

Nurhidayah turut berkongsi cerita lain, dia pernah menjalani tiga pembedahan di kaki dan itu antara cabaran kesihatan yang dilaluinya sejak kecil.

"Namun, cabaran ini tidak menghalang saya untuk terus berusaha memajukan diri dalam pelbagai aspek.

"Malah pengalaman sendiri sebagai OKU mendorong saya menjadi pendokong advokasi bagi golongan istimewa ini.

"Saya tidak menjadikan status OKU sebagai satu halangan untuk menuntut ilmu dan menyumbang kepada masyarakat," katanya.

Sebaliknya, dia menggunakan pengalamannya untuk memberi inspirasi kepada orang lain.

Ini terbukti melalui gelaran juara dalam Young Disability Competition (YDC) 2022 dan menerima Anugerah Star of Hope 2024.

Selain advokasi OKU, Nurhidayah juga berminat dalam isu kesihatan mental.

"Saya suka membaca buku yang berisi kandungan berat sejak remaja. Buku motivasi oleh Mark Manson antara salah satu bacaan kegemaran saya," katanya.

Lebih menarik, minat dalam bidang berkenaan membuatnya sering menjadi rujukan rakan-rakan sekuliah dalam isu berkaitan kesihatan mental khususnya dalam kalangan remaja.

Misi lima tahun Nurhidayah adalah jelas iaitu memberi advokasi dan pendidikan mengenai OKU, meningkatkan pemahaman mengenai kesihatan mental dan memperkasa OKU untuk menggilap bakat serta kebolehan mereka.



NURHIDAYAH (tiga dari kiri) turut melakukan tinjauan fasiliti di beberapa fakulti yang menempatkan mahasiswa OKU di UM.



masyarakat berkenaan OKU.

MEMBERI pendidikan dan advokasi kepada

"Saya percaya setiap hari adalah peluang baharu untuk kita berusaha mencapai kejayaan tanpa mengira latar belakang dan keupayaan fizikal," katanya.

Dalam merebut peluang lain, Nurhidayah juga kini turut menceburkan diri dalam bidang pengucapan awam dan penulisan.

"Saya sedang menyiapkan penulisan buku yang pertama, sering dijemput menjadi panel dalam pelbagai forum, selain dilantik sebagai pengacara majlis," katanya.

Akuinya, dalam kehidupan ini penuh peluang dan ruang untuk berkembang.

"Saya sentiasa berusaha memberikan manfaat dan harapan terhadap orang lain," katanya.

Dek kerana kesungguhan dan dedikasinya itu membuatkan Nurhidayah sering menerima jolokan 'leader' dalam kalangan rakan-rakannya.